

Analisis Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dari Perspektif Syariah

Analysis of the Perak Ninety-Nine Law from a Shariah Perspective

Muhammad Nazirul bin Mohd Sabri

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjong Malim Perak, Malaysia

Correspondence: nazirul.sabri@fsk.upsi.edu.my

Received: 08 October 2025; **Revision:** 25 November 2025 **Accepted:** 08 December 2025; **Published:** 16 December 2025

To cite this article (APA): Mohd Sabri, M. N. (2025). Analisis Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dari Perspektif Syariah. AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture, 3(2), 124-134. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.11.2025>

Abstrak

Masyarakat Melayu tradisional banyak mengamalkan adat yang bercampur dengan ajaran Islam, diwarisi secara lisan atau tulisan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Fenomena ini dapat dilihat dalam Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang berfungsi sebagai asas dan peraturan masyarakat negeri Perak pada zaman dahulu. Walaupun undang-undang ini mencerminkan penerimaan nilai-nilai Islam, beberapa peruntukan didapati berbeza dengan prinsip undang-undang Islam sebenar yang termaktub dalam al-Quran dan Hadis. Ini menunjukkan bahawa proses Islamisasi undang-undang di Perak berlaku secara beransur-ansur dan bersifat adaptif. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sejarah perkembangan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak sebagai tapak awal pembentukan undang-undang Islam di negeri tersebut serta menilai sejauh mana peruntukan undang-undang ini berbeza daripada hukum Islam sebenar. Penyelidikan ini memfokuskan kepada perkembangan undang-undang di Perak pada abad ke-17, berdasarkan analisis fasal dalam buku Umpama Sebuah Bahtera: Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak terbitan Arkib Negara Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan metode analisis kandungan untuk mengumpul dan menilai data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemerintahan Islam di Perak pada abad ke-17 dan seterusnya banyak dipengaruhi oleh keturunan Sayyid dari Hadramaut, Yaman yang memainkan peranan penting dalam penyebaran prinsip Islam dalam pentadbiran dan perundangan. Selain itu, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dilihat lebih menekankan hukum adat Melayu lama yang dicampuradukkan dengan elemen Islam dalam beberapa fasal tertentu yang membentuk satu sistem hukum transisional yang mengintegrasikan tradisi tempatan dengan nilai-nilai agama. Penyelidikan ini seterusnya menekankan kepentingan kajian sejarah undang-undang Melayu-Islam dalam memahami proses Islamisasi perundangan serta menyediakan asas bagi kajian lanjutan tentang interaksi antara adat dan syariah di alam Melayu.

Kata kunci: Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan, Perak, Syariah

Abstract

Traditional Malay society practiced customs mixed with Islamic teachings, passed down orally or in writing from one generation to the next. This is evident in the Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, which served as the main legal framework for the people of Perak in the past. Although the law incorporates Islamic values, some provisions do not fully comply with Islamic law as stated in the Qur'an and Hadith, indicating that Islamization of law in Perak occurred gradually and adaptively. This study aims to explore the historical development of the Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak as the starting point of Islamic law in the state and to examine the extent to which its provisions differ from true Islamic law. The research focuses on 17th-century Perak based on the provisions in the manuscript *Umpama Sebuah Bahtera: Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, published by the National Archives of Malaysia. A qualitative content analysis methodology was employed to collect and analyse the data. The findings reveal that Sayyid descendants from Hadramaut, Yemen, strongly influenced Islamic governance in 17th-century Perak and beyond, playing an important role in disseminating Islamic principles in administration and law. The Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak is primarily based on Malay customary law, combined with some Islamic rules, forming a transitional legal system that blended local traditions with Islamic values. This study highlights the importance of understanding the history of Malay-Islamic law. It provides a basis for further research on how adat (customs) and sharia interacted in the Malay world.

Keywords: Ninety-Nine Law, Perak, Shariah

Pendahuluan

Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu dan seterusnya ke negeri Perak merupakan peristiwa penting yang membawa kepada transformasi menyeluruh terhadap struktur sosial, adat dan sistem perundangan masyarakat Melayu. Agama Islam mula menjejakkan kaki ke Tanah Melayu pada abad ke-14 dan berkembang pesat di Melaka pada abad ke-15 melalui peranan pedagang dan ulama dari Timur Tengah, India dan kepulauan Nusantara. Pengaruh ini kemudiannya merebak ke negeri Perak melalui penabalan Sultan Muzaffar Shah I pada tahun 1528M yang menandakan penubuhan Kesultanan Perak sebagai entiti politik berasaskan Islam. Pertabalan Sultan Muzaffar Shah I bukan sahaja memperkukuh pengaruh Islam dalam pemerintahan tetapi juga memulakan proses Islamisasi dalam adat Melayu dan sistem undang-undang negeri Perak (Muhammad Asri, *t.t.*). Adaptasi ini membentuk asas kepada rangka kerja undang-undang Perak yang menjadi sebahagian kod undang-undang tradisional Melayu yang dikenali sebagai *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* di mana undang-undang ini menggabungkan prinsip syariah dan adat Melayu.

Sebelum kedatangan penjajah British ke Tanah Melayu khususnya ke negeri Perak, sistem perundangan serta pentadbiran masyarakat tempatan telah berkembang melalui gabungan adat Melayu Tradisional dan prinsip-prinsip asas hukum Islam. Kedua-dua sumber ini menjadi asas yang kukuh dalam mengatur struktur sosial masyarakat Perak sama ada dalam aspek pentadbiran kerajaan, hubungan sosial, pengurusan kekeluargaan, pemilikan harta mahupun tanggungjawab moral dan etika sesama anggota masyarakat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui kewujudan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak* (*Ninety-Nine Laws of Perak*) iaitu satu dokumen undang-undang tradisional yang berperanan sebagai rujukan utama sebelum campur tangan British berlaku selepas Perjanjian Pangkor

1874M. Para sarjana menyatakan bahawa undang-undang tradisional seperti ini bukan sahaja menjadi kod etika sosial bahkan turut mencerminkan *worldview* masyarakat Melayu-Islam pada era tersebut yang telah menjadikan syariat Islam sebagai panduan utama tetapi tetap menghormati adat tempatan yang diwarisi sejak turun-temurun (Sulkafle, 2020).

Berdasarkan catatan sejarah, pengkaji lepas berpendapat bahawa *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* telah diperkenalkan ke Tanah Melayu sekitar abad ke-17 Masihi oleh seorang ulama dan tokoh intelektual dari Hadramaut yang bernama Sayid Hussain al-Faradz Jamalullail. Beliau merupakan antara golongan pendakwah awal dari keturunan Arab-Hadrami yang datang ke Alam Melayu atas tujuan menyebarkan ajaran Islam khususnya di negeri Perak yang pada ketika itu sedang mengalami era konsolidasi pentadbiran kesultanan. Walaupun kehadiran beliau pada asalnya bertujuan dakwah, pengaruh beliau menjadi semakin signifikan apabila beliau dilantik sebagai guru agama istana di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Iskandar Shah (1653M–1720M). Pelantikan ini bukan sahaja memberikan kedudukan strategik kepada beliau dalam institusi pemerintahan, malah membuka ruang untuk memperkukuhkan peranan Islam dalam pentadbiran negeri. Melalui bimbingannya, nilai-nilai syariah mula diterapkan secara lebih sistematik dalam proses kehakiman, hubungan pentadbiran serta penyelesaian pertikaian rakyat jelata (Mohamed Sharif, 2023).

Analisis Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dari Perspektif Syariah

Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak pada asalnya hanya mengandungi 40 soalan dan jawapan yang sering dikaitkan dengan Raja Nushirwan Adil dengan menterinya bernama Buzurjumhur iaitu tokoh legenda dalam kesusasteraan dan hikayat Parsi yang banyak mempengaruhi karya hukum Melayu Klasik. Setelah melalui proses pentafsiran, pengolahan semula dan penyesuaian, teks tersebut kemudiannya diperluaskan menjadi 99 fasal lalu diiktiraf sebagai himpunan undang-undang rasmi kesultanan Perak (Cempaka Sari, 1996). Kaedah huraian melalui soalan dan jawapan ini menjadikan Undang-Undang 99 Perak unik berbanding persuratan undang-undang Melayu lama kerana ia bukan sahaja menekankan aspek pentadbiran dan undang-undang tetapi juga menyisipkan prinsip-prinsip Syariah dan moral yang menjadikannya sumber penting untuk analisis akademik dalam konteks undang-undang Melayu-Islam. Jadual 1 menunjukkan senarai peruntukan berasaskan 99 soalan dan jawapan yang termaktub dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*:

Jadual 1: Peruntukan dalam Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak (Arkib Negeri Perak)

Fasal	Peruntukan	Jenis
1	Undang-undang orang mengadu	Undang Jenayah
2	Undang-undang berlukaan	Undang Jenayah
3	Undang-undang orang membunuh orang	Undang Jenayah
4	Undang-undang orang kafir	Undang Jenayah
5	Undang-undang orang perempuan tiada tentu bapanya	Undang Jenayah
6	Undang-undang orang mengambil perempuan orang	Undang Jenayah
7	Undang-undang seorang perempuan hendak cerai dengan lakinya	Undang Sivil
8	Undang-undang perkataan sahaja	Undang Sivil
9	Undang-undang belanja orang berkahwin	Undang Sivil
10	Undang-undang abdi orang	Undang Sivil
11	Undang-undang orang jadi raja	Undang Perlembagaan
12	Undang-undang orang jadi pegawai memerintah di dalam mukim	Undang Perlembagaan
13	Undang-undang kampung atau dusun	Undang Sivil

bersambung

14	Undang-undang orang menghidupi binatang jinak	Undang Sivill
15	Undang-undang tanaman dibunuh oleh orang	Undang Sivill
16	Undang-undang hamba atau kawan	Undang Sivill
17	Undang-undang orang hutang-piutang	Undang Sivill
18	Undang-undang orang datang mengadu sesak hutang	Undang Sivill
19	Undang-undang orang menumpang rumah orang	Undang Sivill
20	Undang-undang orang berjalan sama-sama	Undang Sivill
21	Undang-undang orang sama sekampung berdakwa	Undang Sivill
22	Undang-undang orang besar-besar tatkala datang orang membawa aduan	Undang Perlembagaan
23	Undang-undang orang membunuh sama-sama Islam	Undang Jenayah
24	Undang-undang orang mengadap raja	Undang Sivill
25	Undang-undang orang menjadi hakim	Undang Perlembagaan
26	Undang-undang orang membawa kiriman orang	Undang Sivill
27	Undang-undang upah ubat orang sakit	Undang Sivill
28	Undang-undang orang membela hantu	Undang Sivill
29	Undang-undang orang membela kampung	Undang Sivill
30	Undang-undang orang perempuan anak dara hendak cerai dengan lakinya	Undang Sivill
31	Undang-undang orang berbahagi harta	Undang Sivill
32	Undang-undang orang perdakwaan ke mana-mana	Undang Sivill
33	Undang-undang orang berbahagi harta pesaka	Undang Sivill
34	Undang-undang orang mati tiada beranak dan berharta	Undang Sivill
35	Undang-undang orang muda belum nikah lagi	Undang Sivill
36	Undang-undang abdi orang	Undang Sivill
37	Undang-undang orang bunting tiada tentu bapanya	Undang Jenayah
38	Undang-undang orang bunting dahulu kemudian nikah	Undang Sivill
39	Undang-undang nafkah orang cerai	Undang Sivill
40	Undang-undang orang di dalam kampung	Undang Sivill
41	Undang-undang perempuan hendak cerai tiada dengan salah suaminya	Undang Sivill
42	Undang-undang menghidup binatang merosakkan tanaman orang	Undang Sivill
43	Undang-undang orang membuka tanah air	Undang Sivill
44	Undang-undang orang berladang padi dimasuk oleh hidupan orang	Undang Sivill
45	Undang-undang orang menghidupi singa atau gajah iaitu binatang yang besar	Undang Sivill
46	Undang-undang orang berjual beli kerbau atau kambing, kemudian hilang	Undang Sivill
47	Undang-undang orang menghidupi kambing	Undang Sivill
48	Undang-undang orang menghidupi ayam dan itik dibunuh orang	Undang Sivill
49	Undang-undang masuk ke negeri orang yang sudah bersuami	Undang Sivill
50	Undang-undang orang berzina dengan seorang perempuan sudah sampai aduannya kepada Pemghulu Mukim itu	Undang Jenayah
51	Undang-undang orang dagang masuk kampung orang hendak bermalam	Undang Sivill
52	Undang-undang orang berbunuh-bunuhan	Undang Jenayah
53	Undang-undang orang berbahagi harta fasal cerai	Undang Sivill
54	Undang-undang orang perempuan mengadu hendak cerai	Undang Sivill
55	Undang-undang orang kaya	Undang Sivill

bersambung

56	Undang-undang pembunuhan	Undang Jenayah
57	Undang-undang nikah dua kali	Undang Sivil
58	Undang-undang orang pegawai masjid di dalam mukim	Undang Perlembagaan
59	Undang-undang orang jadi pawang di dalam mukim	Undang Perlembagaan
60	Undang-undang orang jadi bidan	Undang Perlembagaan
61	Undang-undang orang menaruh anak perempuan bujang	Undang Sivil
62	Undang-undang orang menaruh anak laki-laki bujang	Undang Sivil
63	Undang-undang orang mencari ilmu	Undang Sivil
64	Undang-undang orang menaruh ilmu	Undang Sivil
65	Undang-undang orang baharu lepas nikah	Undang Sivil
66	Undang-undang orang beristeri	Undang Sivil
67	Undang-undang orang yang mengambil perempuan orang	Undang Jenayah
68	Undang-undang orang mengambil tunangan orang	Undang Jenayah
69	Undang-undang orang menghidupi anjing mengigit orang, keluar darah	Undang Sivil
70	Undang-undang orang menghidupi gajah membunuh orang	Undang Sivil
71	Undang-undang orang menghidupi kerbau membunuh orang	Undang Sivil
72	Undang-undang orang di dalam dunia akal yang sempurna	Undang Sivil
73	Undang-undang orang berdakwa	Undang Sivil
74	Undang-undang orang perang	Undang Perang
75	Undang-undang orang perempuan sudah berlaki dapat anak, kemudian ia cerai, maka dapat pula laki yang lain dan dapat anak juga, maka mati lakinya itu	Undang Sivil
76	Undang-undang orang dagang mati banyak hartanya	Undang Sivil
77	Undang-undang orang di dalam satu negeri mati rajanya, maka sekalian anak cucunya yang tinggal hendak menjadi raja gantinya belaka	Undang Perlembagaan
78	Undang-undang orang hendak menjadikan orang besar-besar di dalam negeri itu	Undang Perlembagaan
79	Undang-undang orang yang menjadi qadhi di dalam negeri itu atau mukim	Undang Perlembagaan
80	Undang-undang orang menjadi pawang di dalam mukim itu	Undang Perlembagaan
81	Undang-undang orang cerai idah di dalam tiga bulan sepuluh hari, lakinya itu hendak balik pula, perempuan tiadalah mahu balik	Undang Sivil
82	Undang-undang orang cerai ada anaknya	Undang Sivil
83	Undang-undang orang sesusuan nikah	Undang Sivil
84	Undang-undang orang nikah dengan perempuan, maka perempuan itu menyusu kepada isteri laki-laki itu	Undang Sivil
85	Undang-undang orang yang tiada boleh nikah mana-mana laki-laki dan perempuan	Undang Sivil
86	Undang-undang orang yang mengambil perempuan orang	Undang Jenayah
87	Undang-undang orang menumpang perahu, maka perahu itu rosak	Undang Sivil
88	Undang-undang orang menumpangkan barang-barang sahaja	Undang Sivil
89	Undang-undang orang sewa rumah atau kedai, maka rumah itu terbakar	Undang Sivil

bersambung

90	Undang-undang orang sewa unta atau lain-lainnya, maka unta itu mati	Undang Sivill
91	Undang-undang orang mati atau lain bicara	Undang Jenayah
92	Undang-undang orang menjadi raja di dalam negeri itu, apa-apa yang menjadi aman kepada negeri itu	Undang Perlembagaan
93	Undang-undang orang jadi orang besar di dalam negeri itu	Undang Perlembagaan
94	Undang-undang upah ubat orang yang sakit, maka diberi ubat oleh mereka itu, baik setengah sahaja sakitnya	Undang Sivill
95	Undang-undang orang kena upah ubat dan banyak upahnya	Undang Sivill
96	Undang-undang orang mandi balai hantu	Undang Sivill
97	Undang-undang orang banyak duduk di dalam majlis berkata-kata di tengah majlis itu	Undang Sivill
98	Undang-undang orang menjadi penghulu suatu tempat	Undang Perlembagaan
99	Undang-undang raja-raja dengan orang besar-besar dan rakyat dan rakyat dengan orang besarnya	Undang Sivill

Berdasarkan Jadual 1 yang merumuskan struktur kandungan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, dapat diperhatikan bahawa kanun perundangan tradisional ini tidak hanya tertumpu kepada satu bidang tertentu tetapi merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu-Islam di Perak sebelum campur tangan British. Secara jelas, undang-undang ini menyentuh empat domain utama iaitu undang-undang jenayah, undang-undang sivil (mal), undang-undang peperangan dan undang-undang berkaitan perlembagaan negeri. Keluasan bidang peraturan ini memperlihatkan tahap kematangan sistem pemerintahan Melayu tradisional yang telah membangunkan suatu kerangka undang-undang komprehensif bagi mengatur urusan masyarakat, hubungan kekuasaan dan perlindungan sosial. Menurut Roff (2010), banyak negeri Melayu pada abad ke-16 hingga ke-18 telah memiliki tradisi perundangan tersendiri yang mencampurkan unsur Islam dan adat sebagai asas penggubalan peraturan. *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* adalah antara contoh terbaik fenomena tersebut.

Selain itu, berdasarkan analisis terhadap teks asal, kajian mendapati bahawa sejumlah 15 fasal melibatkan peruntukan undang-undang jenayah seperti pembunuhan, kecurian, khianat, perbomohan dan sihir serta kesalahan moral. Sebanyak 69 fasal pula tertumpu kepada undang-undang sivil yang merangkumi kontrak pertanian, sistem tanaman, perselisihan batas tanah, harta alih, haiwan ternakan, hutang, pajakan dan urusan perdagangan. Selain itu, terdapat 14 fasal berkaitan undang-undang perlembagaan, khususnya menyentuh bidang kuasa Sultan, kedudukan pembesar negeri, susunan hierarki pentadbiran dan adat istiadat istana. Akhir sekali, terdapat 1 fasal yang menyentuh undang-undang peperangan, antaranya berkaitan larangan mengkhianati negeri dan tanggungjawab rakyat terhadap kedaulatan Kesultanan Perak.

Justeru, dapatan ini menunjukkan bahawa undang-undang sivil merupakan komponen terbesar dalam kanun *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* iaitu mencakupi lebih dua pertiga daripada keseluruhan peruntukan undang-undang. Dominasi fasal-fasal sivil ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana ia mencerminkan realiti sosioekonomi masyarakat Perak pada abad ke-16 dan ke-17 yang majoritinya terlibat dalam sektor pertanian sara diri, penternakan dan perdagangan sungai. Dalam banyak wilayah Melayu tradisional, isu seperti pertikaian batas tanah, kerosakan tanaman akibat binatang, pelanggaran akad jual beli, kehilangan barang dan perselisihan pajakan merupakan antara kes yang paling sering dibawa kepada pihak berkuasa tempatan (Hooker, 1986). Justeru, penekanan besar terhadap undang-

undang sivil dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* memperlihatkan bagaimana sistem perundangan Melayu ketika itu memberi keutamaan kepada keperluan masyarakat agrarian yang bergantung kepada tanah dan hasil tanaman bagi kelangsungan hidup mereka.

Manakala analisis terperinci terhadap keseluruhan teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* mendapati bahawa daripada 99 fasal yang terkandung di dalam kanun tersebut hanya 23 fasal sahaja yang berasaskan prinsip undang-undang Islam yang boleh dikenal pasti melalui ciri-ciri yang selaras dengan konsep syariah seperti hukum *qisas*, ketetapan berkaitan harta, sumpah, saksi dan larangan kezaliman (Rigby, 1990; Sulkafle, 2020).

Jadual 2: Fasal Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak Berasaskan Undang- Undang Islam

Bil	Fasal	Peruntukan
1	6	Undang-undang orang mengambil perempuan orang
2	68	Undang-undang orang yang mengambil tunangan orang
3	7	Undang-undang seorang perempuan hendak cerai dengan lakinya
4	30	Undang-undang orang perempuan anak dara hendak cerai dengan lakinya, maka lakinya belum dapat bunga tubuhnya lagi sebab keras perempuan itu
5	31	Undang-undang orang cerai dan berbahagi hartanya
6	34	Undang-undang orang mati tiada beranak ada berharta
7	39	Undang-undang nafkah orang cerai
8	41	Undang-undang perempuan hendak cerai tiadalah dengan kesalahan suaminya satu pun
9	54	Undang-undang orang perempuan mengadu hendak cerai
10	82	Undang-undang orang cerai ada anaknya
11	85	Undang-undang orang yang tiada boleh nikah mana-mana laki-laki dan perempuan
12	18	Undang-undang orang datang mengadu sesak hutang
13	26	Undang-undang orang membawa kiriman orang
14	42	Undang-undang orang menghidupi binatang itu merosakkan tanam-tanaman orang
15	44	Undang-undang orang berladang padi dimakan oleh hidupan orang
16	45	Undang-undang menghidupi singa atau gajah iaitu binatang yang besar
17	47	Undang-undang orang menghidup kambing
18	48	Undang-undang orang yang menghidupi ayam dan itik dibunuh orang
19	69	Undang-undang orang yang menghidupi anjing mengigit orang , keluar darah
20	88	Undang-undang orang menumpangkan barang-barang sahaja
21	25	Undang-undang orang yang menjadi hakim di balai tatkala datang pendakwaan
22	49	Undang-undang masuk ke negeri orang
23	79	Undang-undang orang yang menjadi qadhi di dalam negeri itu atau mukim

Berdasarkan Jadual 2, dapat diperhatikan bahawa undang-undang Islam tidak muncul sebagai elemen yang dominan dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*. Hal ini selaras dengan penjelasan terdahulu yang menunjukkan bahawa kod perundangan tersebut lebih bersifat campuran antara adat Melayu dan unsur-unsur Syariah yang diadaptasi secara terpilih. Secara empirikal, peruntukan-peruntukan dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* memperlihatkan bahawa ia merupakan undang-undang adat Melayu yang

diserapkan dengan elemen Islam secara selektif selaras dengan pandangan Rigby (1990) bahawa kod ini bukanlah sebuah kitab undang-undang Islam tulen akan tetapi campuran antara hukum Islam yang diajar secara lisan, adat tempatan dan rujukan kepada Undang-Undang Melaka. Walau bagaimanapun, kewujudan beberapa peruntukan yang memaparkan pengaruh ajaran Islam tetap menunjukkan perkembangan positif dalam sejarah perundangan Melayu. Oleh itu, meskipun penerapannya tidak sepenuhnya menepati hukum Islam sebenar, kehadiran prinsip-prinsip syariah dalam sebahagian fasal undang-undang tersebut menggambarkan usaha awal masyarakat Melayu untuk memperkasakan ajaran Islam dalam sistem perundangan mereka.

Sementara itu, sebanyak 76 fasal lagi secara jelas memaparkan ciri-ciri undang-undang adat Melayu lama yang mencerminkan struktur sosial tradisional masyarakat Perak pada abad ke-16 hingga ke-18. Undang-undang adat ini meliputi aspek penyelesaian pertikaian melalui denda harta, hukuman berbentuk pembayaran material, adat istiadat istana, tatacara peperangan, pembahagian tanggungjawab dalam masyarakat serta pelbagai ketetapan yang mencerminkan keutamaan masyarakat agrarian dan feudal pada waktu tersebut. Pecahan ini memberi gambaran bahawa walaupun masyarakat Melayu Perak telah menerima Islam sebagai agama rasmi dan panduan hidup, proses pengintegrasian undang-undang Islam ke dalam sistem perundangan negeri tidak berlaku secara menyeluruh. Sebaliknya, ia berlangsung secara bertahap dan bersifat adaptif, bergantung pada keperluan sosial, ekonomi dan politik masyarakat pada era tersebut. Sebagaimana dinyatakan oleh Mohamed Sharif (2023), proses Islamisasi undang-undang di Perak lebih bersifat “*selective incorporation*” iaitu pengambilan prinsip-prinsip Islam yang dianggap sesuai dan dapat diharmonikan dengan adat Melayu manakala selebihnya dikekalkan dalam bentuk asalnya kerana ia telah lama diamalkan sebagai norma sosial yang diterima.

Dapatan ini turut selari dengan pandangan Hooker (1986) dan Andaya (2017) yang menjelaskan bahawa undang-undang Melayu tradisional tidak pernah wujud sebagai undang-undang Islam sepenuhnya tetapi dibangunkan melalui konsep *adat yang diislamkan* atau *adat bersendi syarak*. Dalam konteks Perak, keadaan ini lebih ketara apabila struktur pentadbiran negeri berada di bawah pengaruh institusi kesultanan yang berperanan mengekalkan adat Melayu sebagai asas pembentukan identiti sosial di samping menerima syariah sebagai sumber moral dan hukum. Maka tidak menghairankan jika majoriti fasal dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* masih mengekalkan bentuk adat lama meskipun memiliki nilai Islam.

Seterusnya analisis perbandingan antara *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan undang-undang Islam sebenar menunjukkan bahawa kanun tersebut mempunyai unsur Islam yang jelas namun penerapannya tidak sepenuhnya selaras dengan hukum syariah yang autentik. Hal ini dapat diperhatikan dalam beberapa bidang utama seperti faraid, munakahat dan jenayah. Sebagai contoh, Fasal 33 ‘*undang-undang orang berbahagi harta pusaka*’ di mana harta pusaka itu akan dibahagi kepada dua berdasarkan jenis harta pusaka dan jantina, sedangkan menurut undang-undang Islam sebenar sekiranya si mati meninggalkan waris lelaki dan perempuan yang sama darjat seperti anak lelaki dan anak perempuan, mereka akan mewarisi secara ‘asabah bil al-ghairi iaitu bahagian lelaki dua kali melebihi bahagian perempuan dengan nisbah 2:1. Selain itu, Fasal 3 ‘*undang-undang orang membunuh orang*’ di mana kes bunuh membunuh sesama Islam, pembunuh itu tidak boleh dikenakan hukuman bunuh. Hakim hanya akan mendendanya sebanyak lima tahlil emas dan dikenakan membuat kenduri menyembelih seekor kerbau atau kambing putih atau unta putih. Berbeza dengan undang-undang Islam yang menetapkan hukuman qisas iaitu dengan dibalas bunuh.

Secara keseluruhan, peruntukan undang-undang (Jadual 1 dan 2), mengesahkan pandangan ramai sarjana bahawa perundangan Melayu tradisional telah melalui proses Islamisasi yang bertahap di mana unsur adat masih menjadi teras walaupun prinsip-prinsip syariah mula diterapkan (Hooker, 1986; Winstedt, 1958). Justeru, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* perlu difahami sebagai dokumen perundangan transisional yang mencerminkan konteks sosio-politik, budaya dan keagamaan masyarakat Perak pada abad ke-16, bukannya kodifikasi hukum Islam yang lengkap. Selain itu, naskhah ini menzahirkan integrasi beransur-ansur antara adat dan Syariah yang menunjukkan bahawa perkembangan undang-undang di Perak bukan penggantian total tradisi tempatan akan tetapi penyesuaian yang selaras dengan kefahaman dan keperluan masyarakat pada masa tersebut. Justeru, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* perlu mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu naskhah perundangan terpenting dalam sejarah hukum Melayu-Islam di Nusantara.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan terhadap *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* memperlihatkan bahawa kanun ini merupakan dokumen perundangan tradisional yang menggambarkan proses evolusi agama masyarakat Melayu Perak dari zaman pra-Islam hingga ke era penerimaan agama Islam secara meluas. Melalui penelitian terhadap sejarah kedatangan agama Islam ke negeri Perak pada sekitar abad ke-16 khususnya selepas penabalan Sultan Muzaffar Shah 1 pada tahun 1528M jelas menunjukkan bahawa pengaruh agama Islam dalam sistem sosial dan politik negeri ini berkembang secara bertahap dan tidak berlaku secara mendadak. Peralihan masyarakat daripada amalan adat Melayu lama kepada sebuah sistem yang bercorak Islam telah memberi kesan langsung kepada pembentukan sistem undang-undang negeri. Namun, kajian mendapati bahawa proses Islamisasi tersebut berlaku secara selektif dan berhemah bergantung kepada kesesuaian adat setempat serta keupayaan masyarakat dalam menerima perubahan tersebut. Justeru, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* harus difahami sebagai produk interaksi kompleks antara adat Melayu lama dengan prinsip syariah yang diperkenalkan melalui ajaran ulama serta tokoh agama iaitu Sayid Hussain al-Faradz Jamalullail yang telah memainkan peranan penting dalam proses penyebaran ilmu dan hukum Islam di negeri Perak. Kanun ini bukan sekadar mengandungi peruntukan undang-undang tetapi ia juga mencerminkan cara masyarakat Melayu dalam menyesuaikan kehidupan mereka dengan nilai agama Islam tanpa meninggalkan identiti adat yang telah sekian lama diamalkan.

Selain itu, penelitian terhadap struktur dan kandungan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* menunjukkan bahawa hanya 23 fasal sahaja yang sepenuhnya merujuk kepada undang-undang Islam, manakala 76 fasal lainnya merupakan gabungan adat Melayu lama dengan prinsip-prinsip Islam yang disesuaikan dengan konteks masyarakat. Pecahan ini telah memberikan gambaran jelas bahawa walaupun agama Islam telah diterima sebagai agama utama negeri namun adat masih menjadi tunjang utama dalam urusan kehidupan seharian masyarakat negeri Perak. Peruntukan-peruntukan adat yang dominan ini merangkumi undang-undang berkaitan tanah, pertanian, ternakan, pertikaian antara penduduk, perbomohan serta isu-isu sosial jelas mencerminkan keperluan kehidupan seharian masyarakat agrarian pada abad ke-16 hingga ke-18. Sementara itu, fasal-fasal yang bersifat syariah pula lebih tertumpu kepada isu kekeluargaan, perceraian, nafkah, hubungan suami isteri serta fungsi kadi dalam menyelesaikan pertikaian.

Seterusnya, hasil kajian mendapati bahawa pengaruh undang-undang Islam tetap mempunyai nilai signifikan dalam struktur kanun tersebut walaupun terdapat beberapa fasal yang diperuntukkan dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang dilihat tidak merujuk kepada undang-undang Islam sebenar khususnya dalam bidang faraid, qisas, hudud dan perkahwinan. Ini kerana peruntukan syariah dalam *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* lebih banyak tertumpu kepada aspek *Undang Mal* iaitu bidang yang melibatkan hubungan keluarga, harta, hutang, hak milik dan pemeliharaan masyarakat. Walaupun undang-undang adat lebih dominan dari segi bilangan fasal, aspek syariah tetap menjadi rujukan penting dalam situasi yang memerlukan ketetapan hukum yang lebih tersusun dan sesuai dengan tuntutan agama. Menariknya, gabungan antara adat dan syariah ini tidak menimbulkan konflik besar dalam masyarakat, sebaliknya menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu Perak berjaya mengekalkan keharmonian antara nilai tradisi dan ajaran agama.

Kesimpulannya, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* bukanlah sekadar dokumen hukum tetapi bukti sejarah proses Islamisasi undang-undang di Alam Melayu yang berlaku melalui pendekatan integratif, inklusif dan beransur-ansur. Analisis ini menegaskan bahawa kanun tersebut memainkan peranan penting dalam mencorakkan indentiti perundangan Melayu-Islam di Perak sekaligus menjadi sumber rujukan bernilai bagi memahami hubungan antara adat, agama dan politik dalam sejarah perundangan Melayu. Kajian lanjutan diharapkan dapat memperkayakan lagi pemahaman mengenai struktur pemikiran hukum masyarakat Melayu tradisional serta pengaruh Islam terhadap pembentukan sistem pentadbiran dan keadilan di negeri-negeri Melayu.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah memudahkan urusan dalam menyempurnakan kajian dan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- A. Halim Nasir. (1977). *Sejarah Perak*. Jabatan Muzium: Kuala Lumpur. Cet. 1. h. 150
- Abdul Kadir Haji Muhammad. (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 19
- Ahmad Jelani Halimi & Ishak Saat. (2010). *Warisan Melayu Perak*. Johor Darul Takzim: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. h. 14-15.
- Ahmad Jelani Halimi & Ishak Saat. (2010). *Warisan Melayu Perak. Pengaruh Islam dalam Undang-Undang Melayu: Kes Undang-Undang 99 Perak*. Johor Darul Takzim: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. h. 13.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2017). *A History of Malaysia* (3rd ed.). Palgrave Macmillan.
- Arkib Negara. (2011). *Umpama Sebuah Bahtera Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara. h. 91.
- Cempaka Sari. (1986). *Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Perak: Yayasan Perak.
- Fawzi M. A. Basri. (1986). *Chempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Hooker, M. B. (1986). *Islamic law in Southeast Asia*. Oxford: Oxford University Press.

- Jelani Harun (t.t). *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak: Menara Kebesaran Adab Hubungan Raja Dengan Menteri*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia. h. 169
- Mohamed Sharif, S. (2023). *Islamisasi undang-undang Melayu tradisional: Kajian terhadap manuskrip hukum negeri-negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Sharif, S. N. H. (2023). Pengaruh Islam dalam ekonomi Melayu tradisional Perak sebelum penjajahan British (Kurun ke-16 – 19 Masihi). *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 34(1), 42–62. <https://doi.org/10.51200/manu.v34i1.4473>
- Muhammad Asri. (t.t). *Sistem Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negeri Perak Dahulu dan Sekarang*. Perak: Jabatan Kehakiman Syariah Perak. h. 1-2.
- Perak State Government. (n.d.). *Sejarah ringkas Negeri Perak*. [https://www.perak.gov.my/index.php/en/kerajaan-negeri/info-umum/sejarah ringkas?utm_source](https://www.perak.gov.my/index.php/en/kerajaan-negeri/info-umum/sejarah%20ringkas?utm_source)
- Rigby, J. (1990). Historical perspectives on the Perak Code. *Journal of Southeast Asian Studies*, 21(2), 179–196.
- Rigby, J. (n.d.). *Notes on Malay legal manuscripts*. (Petikan melalui Hooker, 1986)
- Roff, W. R. (2010). *Studies on Islam and society in Southeast Asia*. NUS Press.
- Sulkafle, M. H. (2020). The Sayyids of Perak: A preliminary study on their origins and influences in the Perak society. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 29(2), 37–56. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol29no2.3>
- Sulkafle, S. (2020). Hukum Islam dalam sistem tradisional Melayu: Analisis terhadap Undang-undang Negeri Perak. *Journal of Malay Legal Studies*, 12(2), 45–60.